

30/10/2001

Pertumbuhan KDNK positif bagi suku ketiga

Kadir Dikoh

PERTUMBUHAN ekonomi negara bagi suku ketiga tahun ini dijangka kekal positif dan mungkin lebih kurang sama atau lebih sedikit daripada yang dicatatkan pada suku sebelumnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pertumbuhan ekonomi negara bagi suku berakhir 30 September itu dijangka berkembang kurang daripada satu peratus.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh itu adalah lebih kurang sama seperti suku tahunan kedua tahun ini.

"Kita akan mempunyai pertumbuhan positif tetapi mungkin 0.5 peratus, mungkin lebih sedikit daripada itu," katanya selepas merasmikan Persidangan Persatuan Bekalan Air Antarabangsa (IWA) mengenai Pengurusan Air dan Air Buangan untuk Negara Membangun di Kuala Lumpur, semalam.

Ditanya sama ada pertumbuhan KDNK bagi suku ketiga itu kurang daripada satu peratus, Dr Mahathir berkata: "Ya, kurang daripada satu peratus".

Baru-baru ini, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata bank Pusat itu akan mengumumkan angka pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi suku tahunan ketiga tahun ini pada 22 November ini.

Zeti bagaimanapun tidak menyebut mengenai peratus pertumbuhan KDNK itu.

Dalam tempoh suku tahunan pertama tahun ini, KDNK Malaysia berkembang 3.1 peratus, diikuti dengan pertumbuhan 0.5 peratus dalam tempoh suku tahunan kedua.

Bagi seluruh tahun ini KDNK Malaysia diunjurkan berkembang antara satu sehingga dua peratus.

KDNK adalah angka yang mengukur segala penghasilan barang dan perkhidmatan negara termasuk sumbangan daripada pelbagai sektor ekonomi.

(END)